

30 JAN 1998

Aidilfitri-Rangkuman

MUSLIMIN SAMBUT AIDILFITRI SECARA SEDERHANA

KUALA LUMPUR, 30 Jan (Bernama) -- Hari Raya Aidilfitri disambut hari ini dengan sederhana oleh umat Islam di seluruh negara namun kemeriahan dan tradisi perayaan tetap diutamakan walaupun terpaksa berjimat cermat memandangkan keadaan ekonomi sekarang ini.

Muslimin di seluruh negara, seperti biasa menyambut 1 Syawal setelah menunaikan ibadah puasa selama sebulan, dengan bersembahyang hari raya pada sebelah pagi.

Ini diikuti dengan menziarahi kubur, melawat rumah saudara-mara dan sahabat-handai serta mengadakan "rumah terbuka," satu tradisi yang menjadi kemestian di Malaysia.

Kegawatan ekonomi masa kini berikutan kejatuhan nilai ringgit yang memaksa rakyat berjimat-cermat berbelanja, bagaimanapun, tidak menjejaskan kemeriahan Hari Raya lebih-lebih lagi dengan perayaan Tahun Baru Cina dua hari sebelumnya.

Pada hari ini, orang ramai turut mengambil peluang mengunjungi pemimpin peringkat kawasan, negeri mahupun negara di rumah-rumah terbuka.

Di ibu negara, Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agung Tuanku Najihah dengan diringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menunaikan solat Aidilfitri di Masjid Negara bersama rakyat.

Turut menunaikan solat Aidilfitri ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah sebelum itu mengadap Seri Paduka berdua di Istana Negara pada pukul 8.15 pagi.

Tuanku Ja'afar dan Tuanku Najihah juga menerima mengadap Jemaah Menteri, Duta-duta dan tetamu kehormat di Istana Negara.

Di SHAH ALAM, Raja Muda Selangor Tengku Idris Shah menunaikan sembahyang Hari Raya bersama lebih 5,000 orang jemaah di masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, di sini.

Menteri Besar, Datuk Abu Hassan Omar dan anggota Exco kerajaan negeri yang beragama Islam turut menunaikan sembahyang raya di masjid itu.

Kemudian Raja Muda mengadakan rumah terbuka di Istana Bukit Kayangan dari 10.30 pagi hingga 12.30 tengah hari dan dari 2.30 petang hingga 5 petang. Abu Hassan juga mengadakan rumah terbuka di kediaman rasminya di Bukit Megawati, Seksyen 7 di sini dari 10 pagi hingga 5 petang.

Di Melaka, hujan renyai-renyai yang turun sejak pagi tidak menghalang umat Islam menunaikan sembahyang Aidilfitri, menziarah kubur dan melawat saudara-mara.

Di Masjid Al Azim di sini, kira-kira 9,000 jemaah turut bersama Yang Dipertua Negeri Tun Syed Ahmad Shahabudin menunaikan solat itu.

Ketua Menteri Datuk Seri Abu Zahar Isnin, anggota-anggota Exco dan pegawai kanan kerajaan adalah antara jemaah di masjid itu. Syed Ahmad kemudian meraikan tetamu di majlis rumah terbuka Hari Raya Aidilfitri di Istana Melaka.

Abu Zahar pula menerima kunjungan orang ramai di majlis rumah terbukanya di kediaman rasmi Seri Bendahara, Bukit Peringgit di sini.

Di PEKAN, Sultan Pahang berangkat menunaikan solat sunat Aidilfitri di Masjid Sultan Haji Ahmad Shah di sini.

Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob dan Anggota-anggota Exco Kerajaan Negeri turut bersembahyang di masjid yang sama.

Khalil kemudiannya meraikan rakyat pada majlis rumah terbukanya di Dewan Konvensyen, Jalan Teluk Sisek di Kuantan.

Di KOTA BAHARU, Sultan Kelantan hari ini menunaikan solat Aidilfitri bersama ribuan umat Islam di Masjid Muhammadi di sini dengan diiringi Tengku Mahkota Kelantan dan pegawai-pegawai kerajaan negeri.

Selepas bersolat Sultan dan Tengku Mahkota bersalaman dengan para jemaah dan kemudiannya menemui rakyat pelbagai kaum di Istana Balai Besar tidak jauh dari masjid berkenaan.

Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat menunaikan solat di masjid Pulau Melaka.

Di PULAU PINANG, Yang Dipertua Negeri Tun Dr Hamdan Sheikh Tahir bersama ribuan umat Islam menunaikan sembahyang Hari Raya di Masjid Negeri di sini.

Beliau kemudiannya mendengar khutbah Hari Raya yang disampaikan oleh Imam Besar Masjid Negeri Ustaz Abu Bakar Abdullah sebelum bersalam-salaman dengan orang ramai.

Sambutan Hari Raya di negeri ini menampilkan kesederhanaan dan dimeriahkan dengan majlis rumah terbuka di rumah masing-masing.

Di ARAU, Raja dan Raja Perempuan Perlis berangkat menyertai ribuan rakyat jelata bersembahyang sunat Aidilfitri di Masjid Negeri di sini bersama Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim dan Mufti Negeri Datuk Alim Panglima Mat Jahya Husin.

Baginda berdua kemudiannya berkenan menerima mengadap para pembesar dan rakyat jelata pada majlis rumah terbuka di Istana Arau bermula pukul 9.30 pagi hingga 11 pagi.

Sementara itu di KANGAR, Raja Muda dan Raja Puan Muda Perlis mengadakan rumah terbuka di Kompleks Warisan, Jalan Kolam di sini.

Di KUALA TERENGGANU, kira-kira 2,000 orang umat Islam menunaikan sembahyang Hari Raya di Masjid Sultan Zainal Abidin di sini, hari ini.

Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad mengadakan rumah terbuka di Sri Iman di sini, hari ini.

Di ALOR SETAR, Sultan Kedah, Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid, para Exco kerajaan negeri menunaikan solat sunat Aidilfitri di Masjid Zahir sementara Sultanah Kedah bersama dengan muslimat yang lain bersembahyang di Balai Besar.

Sementara itu, buat pertama kali kira-kira 200 orang menyertai perarakan sambil bertakbir sejauh 800 meter yang melalui beberapa jalan utama di bandar Alor Setar yang dianjurkan oleh Majlis Perbandaran Alor Setar.

Di IPOH, Sultan Perak, Sultan Azlan Shah bersama Raja Muda Raja Nazrin Shah, Raja Permaisuri Perak, Tuanku Bainun serta Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib dan isteri menunaikan sembahyang Aidilfitri bersama kira-kira 800 umat Islam di Masjid Ubudiah, Bukit Chandan di Kuala Kangsar.

Ramli kemudiannya meraikan rakyat di kediamannya di Jalan Raja di Hilir di sini dan akan meraikan Sultan Azlan dan kerabat di raja serta ketua-ketua jabatan di negeri itu pada sebelah petang ini.

Di KOTA KINABALU, Yang Dipertua Negeri Sabah Tun Sakaran Dandai menunaikan solat Aidilfitri bersama ribuan umat Islam di Masjid Negeri di Sembulan, dekat sini.

Tun Sakaran kemudian mengadakan rumah terbuka di Istana Negeri dalam dua peringkat iaitu dari 10.00 pagi hingga 11.30 pagi bagi orang-orang kenamaan dan dari 11.30 pagi hingga 2.30 petang untuk orang awam.

Sementara itu di KUCHING, Yang Dipertua Negeri Tun Datuk Patinggi Ahmad Zaidi Adruce Muhammed Noor menyertai beribu-ribu umat Islam menunaikan solat Aidilfitri di Masjid Jamek Petra Jaya di sini.

Beliau dan isteri Datuk Patinggi Rosmiati kemudian mengadakan rumah terbuka di Astana, Petra Jaya di sini dan antara yang hadir ialah Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud, Menteri dan Timbalan Menteri Kabinet negeri serta pegawai-pegawai kanan kerajaan negeri.

Sementara itu Ketua Menteri dan isteri Datuk Amar Laila Taib menerima kunjungan rakyat di rumah terbuka mereka di Stadium Perpaduan, Petra Jaya, di sini.

Di JOHOR BAHRU, Sultan Johor, Sultan Iskandar berkenan menunaikan solat Aidilfitri di masjid Sultan Abu Bakar bersama Tengku Mahkota Tengku Ibrahim beserta exco-exco kerajaan negeri dan lebih 1,000 rakyat jelata.

Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman yang masih belum sembuh daripada kecederaan di kaki kanannya pula menunaikan solat Aidilfitri di Masjid Jalan Kolam Air dan beliau akan mengadakan rumah terbuka di No.70, Jalan Raja, Sungai Mati Muar pada Hari Raya ketiga.

Di SEREMBAN, pemangku Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tunku Naquiyuddin dan isterinya, Tunku Puan Muda, Nurul Hayati adalah antara 500 rakyat jelata menunaikan sembahyang sunat Aidilfitri di Masjid Tuanku Munawir, Seri Menanti di Kuala Pilah.

Menteri Besar Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad mengadakan rumah terbuka di kediaman rasminya di No 4, Jln Tasek, Seremban. Kira-kira 3,000 orang hadir di rumah terbuka berkenaan selepas menunaikan sembahyang sunat di Masjid Negeri Seremban. -- BERNAMA

Team PR